

## **TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET**

Terma dan Syarat-syarat dalam pengawalan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet oleh Pelanggan OCBC

### **1. Permohonan untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC**

- 1.1. Bagi Pelanggan yang mempunyai satu atau lebih akaun bersama OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad (salah satu "OCBC" yang berkenaan, kecuali dinyatakan sebaliknya), bank dengan kuasa tunggal dan mutlaknya berhak menyediakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC berhubung atau berkaitan dengan akaun-akaun Pelanggan tersebut.
- 1.2. Pelanggan OCBC yang telah membuka dan mempunyai satu atau lebih akaun dengan OCBC boleh memohon untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Pihak OCBC berhak untuk menolak atau menerima permohonan tersebut tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan sekiranya permohonan tersebut ditolak.

### **2. Terma dan Syarat-syarat akaun**

- 2.1. Selain daripada Terma dan Syarat-syarat ini, Terma dan Syarat-syarat Utama Akaun dan Perkhidmatan OCBC yang sedia ada, Terma dan Syarat-syarat yang mengawal Perkhidmatan Elektronik dan Syarat-syarat Akses untuk melayari laman web OCBC juga akan digunapakai dan diwajibkan ke atas Pelanggan kecuali dalam kes pertikaian di antara Terma dan Syarat-syarat tersebut dengan Terma dan Syarat-syarat ini di mana Terma dan Syarat-syarat ini akan digunapakai.

### **3. Penerimaan Terma dan Syarat-syarat**

- 3.1. Pelanggan bersetuju bahawa pendaftaran Pelanggan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC bersepadanan dengan Klausula ini akan dianggap sebagai persetujuan Pelanggan untuk menerima Terma dan Syarat-syarat serta pengakuan Pelanggan dalam menerima apa-apa risiko semasa melakukan transaksi melalui internet.

### **4. Peralatan, Perisian dan Laluan ke Rangkaian**

- 4.1. Pelanggan bertanggungjawab untuk mendapatkan dan menggunakan pelayar web dan/atau perisian dan/atau peranti keras dan/atau peralatan yang diperlukan untuk mengakses Internet dan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas risiko dan perbelanjaan sendiri. Jika versi baru atau berbeza daripada pelayar web dan/atau perisian lain dan/atau peranti keras dan/atau peralatan yang diperlukan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC yang sedia ada, OCBC berhak untuk tidak menyokong pelayar web atau perisian lain atau peranti keras atau peralatan versi sebelumnya. Jika Pelanggan gagal untuk menaik taraf perisian berkenaan dan/atau pelayar web atau untuk menggunakan perisian dan/atau pelayar web atau peranti keras atau peralatan terkini seperti yang dikehendaki oleh OCBC, OCBC mungkin menolak transaksi Pelanggan, atau memproses dengan salah transaksi Pelanggan atau Pelanggan mungkin tidak boleh mengakses kesemua ciri dan/atau Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan pihak OCBC tidak boleh dipertanggung jawabkan ke atas akibatnya.

- 4.2. Pelanggan dikehendaki untuk mengekalkan peranti keras dan perisian komputer yang memenuhi spesifikasi minimum yang ditetapkan oleh OCBC dari masa ke masa. Spesifikasi minimum yang dimaksudkan mungkin dipaparkan di halaman web OCBC, ATM atau terminal elektronik yang lain atau dengan memaparkan notis di pejabat OCBC dan cawangannya atau melalui pemaparan iklan di surat khabar utama di Malaysia atau kaedah lain yang dianggap sesuai untuk makluman Pelanggan oleh pihak OCBC.
- 4.3. Pelanggan hanya boleh menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC melalui Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) berlesen berdasarkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan akses tersebut melalui ISP masing-masing tertakluk dan ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia dan Terma dan Syarat-syarat, jika ada, yang persetujuan oleh Pelanggan dengan ISP.
- 4.4. Semua bayaran dan kos berhubung dengan ISP dalam menyediakan akses internet dan semua kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Pelanggan berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC haruslah ditanggung secara eksklusif oleh Pelanggan dan OCBC tidak boleh dipertanggung jawabkan untuk hal tersebut, tanpa mengabaikan tindakan yang diambil oleh OCBC, termasuk pemberhentian Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

## **5. Mendapatkan Akses untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC**

- 5.1. Pelanggan boleh memohon untuk melanggan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC melalui laman web OCBC (dan apa-apa saluran aplikasi lain yang disediakan oleh OCBC dari masa ke masa) di mana Pelanggan diwajibkan untuk mendaftar dengan memasukkan salah satu kod akses berikut yang berkaitan dengan produk pengeluaran OCBC: -
  - Nombor kad ATM dan PIN
  - Nombor Kad Kredit dan PIN
  - Nombor Kad Debit dan PIN
  - Nombor log masuk lain yang diberikan oleh OCBC kepada Pelanggan dan PIN dari masa ke masa
- 5.2. Selepas pendaftaran berjaya dan disahkan oleh OCBC, serta penerimaan pengakuan Pelanggan membaca dan menerima Terma dan Syarat-syarat ini, Pelanggan akan diminta untuk mengikuti langkah-langkah berikut yang akan dipaparkan di skrin untuk mencipta: -
  1. Kata log masuk Internet OCBC (ID Log Masuk); dan
  2. Kata Laluan Log Masuk Internet OCBC (Kata Laluan Log Masuk)
- 5.3. Selepas pengesahan OCBC ke atas ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk Pelanggan pada skrin, OCBC akan meminta Pelanggan yang pertama kali log masuk untuk memilih salah satu: -
  1. Satu token keselamatan. Token keselamatan itu akan menghasilkan satu Kod Keselamatan; atau
  2. Kod Keselamatan yang akan dihantar melalui perkhidmatan mesej ringkas ("SMS") ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang didaftarkan dengan OCBC.

- 5.4. Akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan diaktifkan apabila Pelanggan memasukkan ID log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk yang betul. Berikut adalah tanggung jawab tunggal Pelanggan:
1. untuk memohon Token Keselamatan atau penggantinya jika Token Keselamatan sebelum yang dikeluarkan telah hilang atau gagal berfungsi sebagaimana yang dimaksudkan, atau
  2. mendaftarkan nombor telefon dengan OCBC jika pengguna memilih untuk menerima Kod Keselamatan melalui Telefon Bimbitnya.
- 5.5. Pendaftaran untuk melanggan Perbankan mobile OCBC akan dikuatkuasakan seperti mana yang ditentukan oleh OCBC dari masa ke masa.
- 5.6. Seterusnya, Pelanggan akan diminta untuk memasukkan ID log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk Pelanggan setiap kali Pelanggan log masuk ke Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Bagi tujuan keselamatan, OCBC dengan kuasa tunggal dan mutlaknyanya, boleh meminta Pelanggan untuk memasukkan Kod Keselamatan untuk melakukan transaksi terpilih. Pelanggan hanya dapat melakukan transaksi dan/atau menggunakan perkhidmatan yang terdapat di bawah Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau transaksi dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh OCBC dari masa ke masa di bawah Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC jika ID log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk dan Kod Keselamatan adalah dan masih sah. OCBC dengan kuasa tunggal dan mutlaknyanya boleh membatalkan ID log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk dan Kod Keselamatan tanpa memberikan alasan dengan memberi notis terlebih dahulu dan tidak boleh dipertanggung jawabkan ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau dikenakan kepada Pelanggan akibat daripada pembatalan tersebut.
- 5.7. Setelah pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dibuat dan diterima oleh OCBC, semua akaun yang boleh diakses melalui nombor kad ATM dan PIN Pelanggan akan dihubungkan kepada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC secara automatik dan boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tanpa penerimaan syarat daripada Pelanggan untuk menentukan akaun.
- 5.8. Setelah permohonan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC diterima oleh OCBC dan permohonan tersebut adalah untuk akaun bersama, maka setiap pemilik akaun akan bertanggung jawab bersama dan bersendirian terhadap OCBC atas mana-mana transaksi dan perkhidmatan yang dikuatkuasa atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC berdasarkan Arahan dari salah seorang pemegang akaun bersama.
- 5.9. Sekiranya akaun tersebut mempunyai dua atau lebih pemegang akaun, OCBC berhak untuk membenarkan penghasilan ID Log Masuk dan Kata Laluan Log Masuk berasingan dan juga meminta permohonan untuk Token Keselamatan berasingan atau pendaftaran nombor telefon bimbit yang berasingan untuk penghantaran Kod Keselamatan kepada setiap pemegang akaun bersama yang telah melanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, tertakluk kepada sekatan dalam Klausa 7.5 dan sekatan lain yang dilaksanakan oleh OCBC dari masa ke masa.

## **6. Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC**

- 6.1 Selepas Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC diaktifkan, Pelanggan boleh mengakses, menggunakan dan memberi arahan kepada OCBC melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, dengan mengambil kira beberapa

perkhidmatan dan transaksi perbankan apabila perkhidmatan tersebut disediakan kepada Pelanggan:-

- Maklumat Akaun
- Pembayaran Bil
- Pemindahan Dana
- Permohonan untuk Produk Perbankan OCBC
- Transaksi Perbankan dan Perkhidmatan yang terdapat di laman web OCBC dan laman web mobil mungkin berbeza.

- 6.2 OCBC dari masa ke masa boleh menawarkan transaksi dan perkhidmatan tambahan kepada Pelanggan dan Pelanggan bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat-syarat terhadap transaksi dan perkhidmatan tambahan dan syarat dan terma khusus lain yang boleh diguna pakai.
- 6.3 Tanpa mengabaikan klausa 6.1, OCBC berhak untuk menghentikan, menyekat, menukar, menggantung atau menarik balik sebarang prestasi transaksi perbankan atau perkhidmatan atau jenis transaksi atau perkhidmatan pada bila-bila masa dan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau tanggungan yang dialami oleh atau kepada Pelanggan akibat sekatan, pengubahsuaian, penggantungan, penarikan dan penamatan perkhidmatan yang dimaksudkan.
- 6.4 Tertakluk kepada hak menolak selesai yang dirujuk di sini, OCBC tidak bertanggung jawab untuk menguatkuasakan atau melakukan atau memproses sebarang Arahan yang dihantar oleh Pelanggan sekiranya Pelanggan tidak mempunyai dana yang secukupnya dalam akaun Pelanggan semasa Arahan tersebut dihantar. Pelanggan harus memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam akaun Pelanggan tersebut dengan OCBC, sebelum sesuatu Arahan itu diberikan. Hak menolak selesai OCBC boleh digunapakai dan sebarang Arahan yang diberikan oleh Pelanggan boleh dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC seperti mana yang diputuskan oleh OCBC.
- 6.5 Atas Arahan dari Pelanggan berhubung dengan transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan yang sedang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, OCBC berhak untuk mendebit akaun Pelanggan dengan segera dan tidak akan bertanggung jawab di atas kehilangan dan/atau penyalahgunaan dan/atau salah urus dana yang tidak disebabkan oleh kelalaian OCBC dan kesalahan yang sengaja. Pelanggan perlu memastikan bahawa semua Arahan yang diberikan oleh Pelanggan adalah yang lengkap, benar dan tepat.
- 6.6 Pemindahan dana atau pembayaran bil atau pembayaran lain tidak boleh dilakukan bagi sebarang akaun yang dimiliki oleh Pelanggan dengan OCBC jika akaun tersebut hanya boleh dikendalikan dengan dua atau lebih penandatanganan.
- 6.7 Dimana bayaran dan pemindahan dana harus dilakukan untuk akaun di bank lain dan/atau organisasi pembayaran, OCBC tidak akan bertanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan nombor akaun atau identiti pemegang akaun dengan bank lain dan tidak akan tidak bertanggung jawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau terjadi kepada Pelanggan akibat dari ketidakpatuhan atau penolakan oleh bank atau organisasi yang menerima atau sebarang kegagalan, kelewatan atau kesalahan oleh bank atau organisasi yang menerima pembayaran semasa mengkreditkan akaun penerima Pelanggan.
- 6.8 OCBC berhak untuk menetapkan, mengubah atau membatalkan had bagi mana-mana transaksi, perkhidmatan, kemudahan dan produk yang boleh dilakukan melalui

Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC pada bila-bila masa, baik di dalam istilah kewangan atau angka atau sebaliknya, dan untuk membezakan frekuensi dan tempoh sedia ada.

- 6.9 Setiap Arahan berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC selepas masa yang ditetapkan pada setiap hari akan dimasukkan, ditunjukkan atau direkodkan dalam buku dan rekod OCBC pada hari perniagaan berikut selepas tarikh Arahan tersebut dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses. Keputusan OCBC mengenai produk perbankan dan/atau kemudahan dan aplikasi kewangan yang lain adalah tertakluk kepada hak mutlak dan tunggal OCBC.

## **7. Arahan**

- 7.1 Kecuali ditentukan lain dalam Terma dan Syarat-syarat ini, OCBC berhak untuk bertindak ke atas mana-mana Arahan yang diterima oleh OCBC dan OCBC tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian kepada Pelanggan dengan berbuat demikian. Pelanggan mengakui bahawa kecuali Pelanggan menerima paparan pengesahan penerimaan Arahan Pelanggan dari OCBC, Arahan Pelanggan tidak mungkin telah diterima dan oleh kerana itu, tidak boleh dilakukan.
- 7.2 Tanpa mengabaikan penerimaan paparan pengesahan dari OCBC berdasarkan peruntukan Klausa 7.1 di atas dan tanpa mengenyampikan hak OCBC untuk bertindak atas Arahan Pelanggan sahaja, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa Arahan tersebut bukanlah muktamad dan kerananya tidak dapat dilakukan oleh OCBC dan bahawa OCBC mungkin pada budi bicara tunggalnya, meminta pengesahan dan/atau maklumat lebih lanjut sebelum melaksanakan Arahan tersebut walaupun tiada kewajipan atau tanggungjawab harus diakui oleh OCBC atas kegagalan untuk meminta pengesahan dan/atau maklumat lebih lanjut.
- 7.3 Dalam melaksanakan mana-mana Arahan Pelanggan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa pelaksanaan yang sama boleh antara lain, berkaitan dengan sistem semasa dan keperluan operasi OCBC dan/atau Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan semua keadaan lain dan oleh sebab itu OCBC harus dibenarkan jumlah masa yang wajar untuk bertindak atas dan menguatkuasakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan dan OCBC tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh atau terjadi kepada Pelanggan atau timbul atau berkaitan atau kerana apa jua alasan untuk kelewatan tersebut.
- 7.4 Apabila OCBC menerima Arahan yang tidak jelas dan tidak lengkap, atau Arahan yang tidak konsisten dengan Arahan lain, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC berhak untuk bertindak atas Arahan tersebut berdasarkan tafsiran wajar Arahan tersebut oleh OCBC atau pun pegawai-pegawainya atau mempunyai hak untuk menolak untuk bertindak sehingga maklumat lebih lanjut atau Arahan baru diberikan oleh Pelanggan. OCBC tidak akan dengan apa-apa cara pun bertanggungjawab terhadap melaksanakan dan menguatkuasakan atau melakukan atau memproses suatu Arahan berdasarkan tafsiran yang wajar yang sama mahupun kerana menolak untuk melaksanakan Arahan tersebut.
- 7.5 Dalam hal akaun bersama, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa setiap Arahan daripada salah satu pemegang akaun bersama akan dianggap sebagai tulus dan Arahan biasa berkaitan akaun bersama dan OCBC berhak untuk bertindak atas dan menguatkuasakan atau melakukan atau memproses Arahan tersebut tanpa sebarang tanggungjawab kepada pemegang akaun bersama itu. Namun tanpa mengenyampikan hal tersebut, jika OCBC menerima Arahan-arahan yang tidak konsisten atau bertentangan daripada satu pemegang akaun bersama sebelum menguatkuasakan atau melakukan atau memproses Arahan dari salah satu pemegang akaun bersama, OCBC berhak menolak untuk bertindak ke atas mana-

mana Arahan sehingga OCBC menerima mandat dari semua pemegang akaun bersama untuk mengeluarkan arahan-arahan baru berhubung dengan akaun bersama tersebut. OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun atas kegagalan untuk menguatkuasakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan tersebut atau atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul disebabkan oleh kegagalan pemegang akaun bersama itu untuk mengeluarkan Arahan-arahan baru berhubung dengan akaun bersama tersebut.

- 7.6 Rekod OCBC berkaitan Arahan, transaksi, dan/atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan atau tanpa kelulusan Pelanggan dan mana-mana rekod transaksi berkaitan dengan operasi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan mana-mana rekod transaksi yang dipelihara oleh OCBC atau Orang Berkaitan yang diberi kuasa oleh OCBC atau mana-mana Orang Berkaitan yang berhubung atau berkaitan dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, di mana rekod tersebut boleh berbentuk, antara lain, log telefon, cetakan komputer, data komputer yang disimpan di kaset magnetik, kartrij atau bentuk lain untuk simpanan data, akan tanpa soal mengikat Pelanggan bagi semua tujuan dan harus dianggap sebagai bukti kukuh bagi setiap transaksi perbankan dan/atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan kewajiban Pelanggan kepada OCBC dan Pelanggan bersetuju untuk tidak membantah kesahihan, ketepatan atau keaslian mana-mana rekod dan bukti tersebut.
- 7.7 Sesuatu Arahan berkaitan dengan akaun Pelanggan adalah tidak dapat ditarik kembali dan mengikat Pelanggan atas penghantaran Arahan itu ke OCBC. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa mana-mana Arahan yang diterima oleh OCBC melalui penggunaan ID Log Masuk Pengguna, Kata Laluan Log Masuk, dan Kod Keselamatan (di mana berkenaan) samada ia dibenarkan atau tidak, harus dianggap bahawa dari Pelanggan. Namun, tanpa mengenyampikan yang sama, Pelanggan berhak untuk membatalkan, menarik kembali, menterbalikkan atau mengubah mana-mana Arahan yang telah dihantar ke OCBC. OCBC dengan budi bicara mutlak, boleh bertindak atas sesuatu permintaan tersebut untuk membatalkan, menarik kembali, menterbalikkan atau mengubah mana-mana Arahan yang telah dihantar atau Arahan lain yang diterima sebelum yang sama dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 7.8 Pelanggan diminta untuk tidak menghantar dan/atau mengeluarkan Arahan untuk OCBC melalui Perkhidmatan E-mel. OCBC tidak akan diwajibkan untuk bertindak ke atas sesuatu Arahan (baik ditandatangani secara digital atau tidak) yang diterima melalui Perkhidmatan E-mel.
- 7.9 OCBC berhak atas budi bicara mutlak, menolak untuk menguatkuasakan atau melakukan atau memproses atau melaksanakan mana-mana Arahan Pelanggan dimana Arahan Pelanggan tidak konsisten dengan dasar-dasar OCBC atau peraturan atau undang-undang semasa atau kerana apa jua alasan lain.
- 7.10 Tanpa mengabaikan sebarang hal yang dinyatakan, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab atau kewajiban atas menguatkuasakan atau melakukan atau memproses suatu Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebarang kegagalan untuk menguatkuasakan atau melakukan atau memproses suatu Arahan di mana:-
  - 7.10.1 Arahan-arahan yang dihantar adalah tidak tepat atau tidak lengkap dalam mana-mana cara;

- 7.10.2 Terdapat kesalahan di dalam Arahan yang dihantar samada disebabkan semasa penghantaran melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebaliknya;
  - 7.10.3 Akaun Pelanggan yang berkaitan dengan penghantaran Arahan itu tertakluk pada proses undang-undang atau disekat, digantung, ditutup atau dibekukan atau kerana apa jua alasan;
  - 7.10.4 OCBC menyedari atau mempunyai alasan untuk percaya bahawa penipuan atau beberapa tindakan jenayah telah, sedang atau akan dilakukan;
  - 7.10.5 Pelanggan gagal mengikuti setiap Arahan, petunjuk, panduan atau prosedur berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebahagian daripadanya.
- 7.11 Apabila sesuatu akaun Pelanggan itu ditutup atas apa jua alasan, mana-mana Arahan yang berkaitan dengan akaun itu yang belum dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses akan dibatalkan pada hari akaun itu ditutup dan Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara pun atas kegagalan untuk menguatkuasakan atau melakukan atau memproses Arahan berkaitan.

## **8. Ketersediaan Perkhidmatan**

- 8.1 Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dimaksudkan untuk sedia ada selama 7 hari seminggu, 24 jam sehari. Namun, Pelanggan mengakui bahawa pada masa yang tertentu, beberapa atau semua Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tidak dapat diakses kerana penyelenggaraan sistem atau alasan di luar kawalan OCBC. Tidak mengabaikan apa yang disebut di atas, Pelanggan mengakui bahawa OCBC secara khusus tidak menjamin bahawa Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan sedia ada pada setiap masa.
- 8.2 Sekiranya beberapa atau semua Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tidak dapat diakses kerana apa jua alasan, Pelanggan bersetuju untuk menggunakan cara-cara alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada PhoneBank OCBC, ATM atau cawangan OCBC, untuk mengeluarkan Arahan berkenaan akaun Pelanggan.
- 8.3 OCBC dari masa ke masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, berhak menaik taraf, mengubahsuai, menggantung atau menukar sebahagian atau kesemua laman web OCBC dan tidak bertanggungjawab jika mana-mana naik taraf, pengubahsuaian, penggantungan atau perubahan kepada laman web OCBC tersebut mencegah Pelanggan daripada mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebahagian atau ciri-ciri tersebut.

## **9. Maklumat Akaun**

- 9.1 Pelanggan mengakui bahawa setiap maklumat yang berkaitan dengan akaun Pelanggan seperti yang dilaporkan di Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin tidak dikemaskini sentiasa kerana mungkin ada Arahan dan/atau transaksi yang, tanpa menyekat sifat umum yang tersebut di atas, sementara hanya telah dikreditkan sebagai kesan tidak jelas (yang mungkin diubah atau sebaliknya oleh OCBC jika tidak jelas), masih belum diproses oleh OCBC, memerlukan pengesahan OCBC atau masih dalam perkembangan. Pelanggan secara khusus bersetuju bahawa baki akaun yang dilaporkan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC ini tidak akan dianggap sebagai baki akhir pelanggan dengan OCBC untuk sebarang tujuan.

- 9.2 Pelanggan boleh menghasilkan cetakan transaksi dan/atau penyata dengan Peranti Akses sendiri. Pelanggan mengakui bahawa sebarang cetakan oleh pelanggan bukanlah cetakan penyata dari OCBC dan tidak akan mengikat OCBC.
- 9.3 Tanpa mengenyampikan kandungan di atas, apabila Pelanggan mendapat tahu, mencurigai atau mempunyai alasan untuk percaya dimana sesuatu transaksi perbankan internet yang tidak sah telah berlaku atau terdapat kesilapan di dalam maklumat akaun Pelanggan, Pelanggan harus memaklumkan OCBC secara bertulis dalam masa empat belas (14) hari (atau tempoh yang ditetapkan oleh OCBC) daripada tarikh maklumat akaun diketahui.
- 9.4 Bagi akaun yang berasaskan penyata, satu penyata akan diperuntukkan sebulan sekali atau pada tempoh masa yang wajar yang akan ditentukan oleh OCBC.
- 9.5 OCBC mungkin menghantar penyata akaun berasingan untuk setiap akaun atau menghantar gabungan penyata untuk semua akaun dan gabungan jenis akaun di dalam penyata tertakluk kepada perubahan.
- 9.6 Sebarang rekod transaksi akaun OCBC adalah muktamad dan kukuh dan akan tanpa soal mengikat Pelanggan bagi semua tujuan di mana wujud kesalahan yang nyata di dalam penyata. Transaksi yang belum disahkan oleh OCBC tidak akan muncul dalam penyata dan tidak boleh dianggap sebagai keadaan akaun yang muktamad.
- 9.7 Pelanggan perlu mengesahkan semua transaksi di dalam sebarang penyata atau rekod yang dikeluarkan oleh OCBC dan memaklumkan kepada OCBC secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC) mengenai sebarang kesalahan atau perbezaan di dalam penyata atau rekod dalam masa 14 hari (atau tempoh masa sesuai yang ditentukan oleh OCBC) dari tarikh penyata atau rekod. Pihak OCBC akan menganggap transaksi di dalam penyata dan rekod adalah betul, muktamad, mengikat dan konklusif sekiranya tidak menerima sebarang notis dalam tempoh masa yang ditentukan oleh OCBC. OCBC berhak untuk membuat sebarang penyesuaian terhadap penyata pada bila-bila masa tanpa mengambilkira penerimaan Pelanggan.
- 9.8 Sebaik selepas menerima notis daripada Pelanggan dalam tempoh yang dibenarkan, OCBC akan melakukan penyesuaian dan pembetulan yang sewajarnya ke akaun pelanggan sekiranya ada. Sebarang wang kepunyaan Pelanggan atau sebaliknya akan dikreditkan atau didebitkan ke dalam akaun pelanggan.

## **10. Pembayaran Bil**

- 10.1 OCBC mungkin memberikan notis kepada Pelanggan pada bila-bila masa atau dari masa ke masa mengenai penukaran senarai organisasi pembayaran atau mengeluarkan organisasi pembayaran dari senarai tanpa memberikan sebarang alasan dan Pelanggan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggung jawab di atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat tindakan OCBC.
- 10.2 Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat mengikut prosedur yang ditetapkan untuk menyelesaikan bil-bil dengan organisasi pembayaran yang berkaitan. OCBC akan membuat pembayaran kepada organisasi pembayaran seperti yang diarahkan oleh Pelanggan dalam tempoh lima (5) hari bekerja (atau tempoh masa yang mungkin ditentukan oleh OCBC). OCBC tidak akan bertanggung jawab dalam apa jua cara ke atas kegagalan Pelanggan untuk mengikut syarat-syarat dan terma yang ditentukan oleh organisasi pembayaran yang berkaitan atau



menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang terjadi akibat kelewatan yang disebabkan oleh apa jua sebab/alasan.

- 10.3 Pelanggan perlu memaklumkan kepada OCBC, dalam bentuk dan mod yang boleh diarahkan oleh OCBC dari masa ke masa, mengenai setiap perubahan akaun Pelanggan dan sebarang maklumat sepertimana yang didaftarkan dengan organisasi pembayaran berkaitan sebelum mengeluarkan Arahan pembayaran kepada OCBC.
- 10.4 OCBC dari masa ke masa akan memberikan perkhidmatan untuk membolehkan Pelanggan untuk mengarahkan OCBC untuk membuat pembayaran bil secara online melalui laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang menawarkan perkhidmatan pembayaran bil untuk organisasi pembayaran yang dipilih. Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa tidak dalam apa jua keadaan boleh dianggap bahawa OCBC adalah pihak kepada pihak ketiga yang menawarkan perkhidmatan pembayaran di dalam laman web mereka. Oleh itu, OCBC tidak berkewajipan didalam apa jua cara untuk sebarang produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperoleh, dan /atau dibeli daripada atau diberi oleh pihak/pihak-pihak ketiga tersebut atau menjadi tanggungjawab untuk sebarang kegagalan untuk menghantar produk, perkhidmatan, kandungan tersebut dan/atau perisian, pertanyaan Pelanggan, bantuan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau sebarang kewajipan atau perkhidmatan berkaitan dengan atau berkenaan kepada produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang akan menjadi satu-satunya tanggungjawab pihak ketiga yang berkenaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian tersebut dan/atau kandungan dengan pihak ketiga yang mungkin boleh tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tambahan yang ditentukan oleh pihak ketiga yang tertentu, dan oleh itu bersetuju untuk mematuhi dan mengamati semua terma dan syarat-syarat tersebut dan dimana diperlukan oleh pihak ketiga tersebut untuk melaksanakan sebarang dokumen yang mengandungi terma dan syarat-syarat tersebut.
- 10.5 Tanpa mengenyampikan terhadap kandungan di atas, Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk mengesahkan kesahihan terhadap butiran transaksi pembayaran bil dalam penyata organisasi pembayaran yang berkaitan yang dihantar kepada Pelanggan.
- 10.6 Berhubung dengan pertikaian Pelanggan terhadap sebarang perbezaan, kelalaian atau kesilapan yang ditemui di dalam penyata, Pelanggan harus menyelesaikan pertikaiannya secara peribadi dengan organisasi pembayaran yang berkaitan. Pelanggan tidak boleh menahan pembayaran tertunggak kepada OCBC apabila terdapat sebarang pertikaian mengenai transaksi dari jumlah yang telah didebitkan dari akaun pelanggan ke atas pembayaran bil yang dibuat kepada organisasi pembayaran dalam apa jua keadaan pun dan amaun yang didebitkan ke dalam akaun pelanggan akan dianggap sebagai perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pelanggan. Pelanggan selanjutnya mengakui dan bersetuju bahawa OCBC tidak akan bertanggung jawab ke atas apa-apa kerosakan atau kerugian yang dialami disebabkan oleh sebarang tindakan, kelalaian, kecacatan atau kekurangan di dalam transaksi pembayaran bil.

## **11. Pemindahan dana**

- 11.1 Pemindahan dana dari akaun tertentu Pelanggan yang diseleggara oleh OCBC ke mana-mana akaun termasuk akaun pihak ketiga dengan OCBC atau bank lain yang ditetapkan oleh Pelanggan adalah tertakluk kepada had dan terma yang mungkin ditetapkan atau ditentukan oleh OCBC dari masa ke masa mengikut hak mutlaknya atau oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
- 11.2 Pelanggan juga boleh, untuk tujuan keselamatan, menentukan had maksimum untuk sebarang pemindahan dana kepada OCBC secara bertulis atau dalam bentuk yang ditentukan oleh OCBC dari masa ke masa.

## **12. Kerahsiaan & Tanggungjawab Untuk ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod keselamatan**

- 12.1. Pelanggan tidak harus mendedahkan ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Kod Keselamatan kepada sesiapa (termasuk mana-mana pegawai OCBC) atau membenarkan Token Keselamatan untuk diketahui atau aksesnya dimiliki oleh orang lain pada bila-bila masa.
- 12.2 ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan hanya boleh digunakan oleh Pelanggan OCBC Perbankan Internet yang telah berjaya menjana ID Log Masuk dan Kata Laluan melalui proses pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan telah mendapat atau menerima Token Keselamatan OCBC selepas pemprosesan pendaftaran Perkhidmatan Perbankan Internet dengan OCBC.
- 12.3 Pelanggan wajib memaklumkan OCBC dengan segera sebaik saja menerima data dan/atau maklumat melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC yang tidak ditujukan untuk Pelanggan. Pelanggan juga bersetuju bahawa semua data dan/atau maklumat tersebut akan dipadamkan serta-merta dari Peranti Akses Pelanggan.
- 12.4 Pelanggan harus mengambil langkah yang wajar untuk mengelakkan pendedahan atau penggunaan ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan yang tidak sah. OCBC tidak akan bertanggung jawab atau diwajibkan untuk menanggung sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sekiranya orang lain mendapat tahu Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan menggunakannya untuk mengeluarkan Arahan untuk transaksi dan/atau perkhidmatan di mana ia telah dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau cara lain untuk mendapatkan bayaran atas wang kepunyaan Pelanggan melalui penggunaan kata ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan tersebut.
- 12.5 Tanpa mengabaikan segala yang terdapat disini yang bertentangan, sekiranya Pelanggan mempunyai alasan untuk mempercayai ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan telah disalahgunakan dan/atau terganggu oleh pendedahan, penemuan atau kecurian oleh pihak lain, Pelanggan diwajibkan untuk memaklumkan kepada OCBC dengan segera, dan dalam masa tidak melebihi 12 jam dalam apa jua keadaan selepas Pelanggan mendapat tahu perkara itu. Pelanggan adalah bertanggung jawab atas kerugian atau kerosakan yang dialami disebabkan oleh mana-mana Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang telah dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC sehingga notis diterima dan diambilmaklum oleh OCBC dalam tempoh masa yang ditetapkan disini.

- 12.6 Sekiranya Pelanggan telah menyumbang kepada mana-mana kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Arahan yang tidak sah, transaksi dan/atau perkhidmatan perbankan kerana kelewatan pemberian notis mengenai kehilangan, penyalahgunaan atau kecurian ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan atau orang lain mengetahui atau menjumpai ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan:
1. untuk semua Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui transaksi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC sehingga notis diterima dan diambil maklum oleh OCBC selaras dengan tempoh waktu yang ditentukan dalam perenggan 12.5 di atas, dan
  2. untuk kerugian sebenar yang berlaku dalam tempoh kelewatan tersebut, (untuk mengelakkan segala keraguan, adalah tempoh berakhirnya tempoh waktu yang ditentukan dalam perenggan 12.5 di atas sehingga penerimaan notis dan diambil maklum oleh OCBC)
- 12.7 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa OCBC berhak, atas hak mutlak dan tunggal nya untuk menggantung akses Pelanggan ke Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC sehingga ID Log Masuk, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan baru dipilih dan/atau diproses oleh OCBC atau pendaftaran telefon bimbit baru dibuat atau sehingga tempoh masa yang ditetapkan oleh OCBC atas hak mutlaknya.

### **13. Persetujuan untuk Pemeriksaan dan Pendedahan Kredit**

- 13.1 Berhubung dengan Arahan ekspres Pelanggan menyekat pendedahan, Pelanggan secara muktamad dan tanpa syarat bersetuju untuk dan membenarkan OCBC dan pegawai-pegawainya untuk menzahirkan keadaan kewangan Pelanggan, butiran akaun-akaun, akaun hubungan dengan OCBC termasuk baki-baki kredit kepada Bank Negara Malaysia, mana-mana kuasa-kuasa kerajaan dan agensi-agensi di Malaysia atau di tempat lain, Dishonoured Cheques Information System (DCHEQS), Central Credit Reference Information System (CCRIS), atau mana-mana biro lain atau syarikat menubuhkan untuk tujuan pengumpulan itu dan menyediakan kredit atau maklumat lain, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, mana-mana penjamin, mana-mana orang yang telah memberi atau memberi keselamatan untuk liabiliti Pelanggan di bawah mana-mana akaun, parti mencadangkan atau bertujuan untuk membuat atau menawarkan pembayaran ke liabiliti Pelanggan untuk OCBC, syarikat-syarikat yang berkaitan dengan OCBC oleh Seksyen 6 dari Akta Syarikat 1965 atau mana-mana syarikat bersekutu OCBC atau syarikat induknya (OCBC bersama dengan sebelumnya berkaitan / syarikat-syarikat bersekutu adalah secara kolektif dirujuk sebagai ("Kumpulan OCBC"), parti menyediakan atau merancang untuk menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan untuk mana-mana ahli Kumpulan OCBC, ejen-ejen, sub-ejen, bank-bank bersama, bank-bank tempatan dan cawangan bank-bank tempatan, calon-calon, peguam, penjaga, kustodian sentral atau pendaftar, ejen kutipan hutang di bawah Kumpulan OCBC, mana-mana pemegang serah hak atau pemegang serah hak berpotensi OCBC atau Kumpulan OCBC, pengakuisisi atau pengakuisisi berpotensi, polis atau mana-mana pegawai penyiasat menjalankan apa-apa penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan, mana-mana orang yang pendedahannya dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, kerajaan atau permintaan dan mana-mana parti yang OCBC anggap sesuai dan pengganti dalam tajuk mereka pada bila-bila masa dan tanpa notis atau liabiliti untuk sedemikian takat dan untuk tujuan

sebegitu yang OCBC anggap sesuai. Pelanggan secara muktamad bersetuju untuk dan membenarkan OCBC dan pegawai-pegawainya menjalankan pemeriksaan kredit dan mendedahkan hubungan akaunnya dengan OCBC untuk mana-mana pihak sebagai OCBC mungkin dalam budi bicara mutlaknya anggap sesuai.

- 13.2 OCBC berhak, dengan terikat kepada undang-undang dan apabila dibenarkan olehnya, untuk menggunakan maklumat Pelanggan yang telah dikutip, dikumpul, diterima, dikompilasi atau diperolehi oleh OCBC melalui apa-apa cara dan kaedah pun, termasuk tanpa batasan, alamat e-mel, nama, nombor telefon dan sejenisnya, untuk tujuan tersebut sebagaimana ditentukan oleh OCBC.
- 13.3 Pelanggan mengiktiraf dan menerima kemungkinan bahawa OCBC dan/atau sesiapa daripada pegawai-pegawai atau birokrat-birokrat boleh dari masa ke masa secara tidak sengaja mendedahkan maklumat mengenai Pelanggan, wang atau sebarang butiran-butiran lain yang berkaitan dengan akaun Pelanggan dengan OCBC semasa memberi maklumat yang berkaitan kepada Arahan berkenaan transaksi dan/atau perkhidmatan yang disebabkan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan dengan ini semua hak dan penyelesaian Pelanggan terhadap OCBC dikecualikan untuk pendedahan tidak sengaja sebegitu, dimana ia akan diperlakukan sebagai pendedahan yang dibenarkan didalam konteks seksyen 99(1)(a) dari Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989.
- 13.4 Sementara OCBC menggunakan usahanya yang terbaik mungkin untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dihantar menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak diiktiraf, OCBC tidak memberi jaminan bahawa keselamatan sebarang maklumat yang dihantar oleh Pelanggan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Berterusan itu, Pelanggan menerima risiko bahawa sebarang maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak diiktiraf dan tidak akan memegang OCBC bertanggung jawab untuk sebarang akses sebegitu atau sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami sebagai akibat dari hal tersebut.
- 13.5 Pelanggan bersetuju bahawa dengan pengecualian dari pendedahan yang disebabkan oleh penipuan atau segala kelalaian OCBC atau sesiapa daripada pegawai-pegawai atau birokrat-birokratnya, samaada OCBC atau sesiapa daripada pegawai-pegawai atau birokrat-birokratnya akan bertanggung jawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh pendedahan, pemberitahuan atau memberi sebarang maklumat berkenaan Pelanggan atau akaun-akaun Pelanggan dengan OCBC oleh OCBC dan/atau pegawai-pegawai atau birokrat-birokratnya dan mereka akan dianggap diberi kuasa untuk melakukan pendedahan tersebut.
- 13.6 Dasar Sulit OCBC yang terdapat didalam laman web OCBC menetapkan syarat yang bersesuaian dimana OCBC boleh menggunakan dan berkongsi maklumat berkenaan Pelanggan dengan pihak ketiga. Untuk memberi produk dan perkhidmatan yang dipohon oleh Pelanggan melalui laman web OCBC, OCBC mungkin perlu berkongsi maklumat berkenaan Pelanggan dengan pihak ketiga yang memberi produk dan perkhidmatan. Pelanggan bersetuju bahawa telah meninjau dan memahami Dasar Sulit ini dan membenarkan pendedahan tersebut.

#### **14. Kewajipan & Jaminan**

- 14.1 Pelanggan akan bertanggung jawab dan berkewajipan untuk sebarang pendedahan atau penggunaan ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Token Keselamatan dan Kod Keselamatan Pelanggan yang tidak diiktiraf dan/atau sebarang maklumat yang berkenaan akaun-akaun Pelanggan sama ada oleh Pelanggan atau sesiapa orang lain. Pelanggan juga perlu memastikan bahawa

Pelanggan tidak akan membuat sebarang pendedahan kepada sesiapa atau menggunakan ID Log Masuk atau Kata Laluan Log Masuk atau Token Keselamatan dan Kod Keselamatan dan/atau sebarang akaun-akaun Pelanggan yang tidak diiktiraf. OCBC tidak akan bertanggung jawab atau berkewajipan untuk sebarang kerugian disebabkan oleh atau kerosakan yang diakibatkan atau ditanggung oleh Pelanggan atau sesiapa disebabkan oleh atau timbul daripada atau sebagai akibat penggunaan ID Log Masuk atau Kata Laluan Log Masuk atau Token Keselamatan dan Kod Keselamatan Pelanggan, sama ada diiktiraf atau sebaliknya, untuk memberi Arahan, untuk memindahkan sebarang dana dan/atau melakukan transaksi dan/atau perkhidmatan berhubung dengan sebarang akaun-akaun Pelanggan dengan OCBC dan/atau untuk mendapat dan/atau membuat sebarang pembayaran sebarang wang dimiliki oleh Pelanggan. Dengan pengecualian daripada kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penipuan atau segala kelalaian yang dilakukan oleh pegawai-pegawai atau agen-agen OCBC, Pelanggan akan membebaskan OCBC daripada dan terhadap dan berkaitan dengan semua kewajipan, kerugian, pembayaran dan kos (termasuk bayaran guaman dan bayaran atas dasar jaminan penuh) permintaan tuntutan tindakan dan prosedur dimana OCBC mungkin memperoleh atau mengekalkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebab atau yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh Pelanggan melanggar atau mengingkar Terma dan Syarat-syarat ini dan/atau penggunaan Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Token Keselamatan dan/atau Kod Keselamatan Pelanggan, atau sebarang pihak ketiga termasuk tanpa sebarang batasan, semua kewajipan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh mengakses maklumat akaun, pemindahan sebarang dana dan/atau membuat sebarang transaksi dan/atau perkhidmatan berkaitan dengan sebarang akaun-akaun Pelanggan dengan OCBC dan/atau penerimaan atau pembayaran sebarang wang kepunyaan Pelanggan, sama ada atau tidak diiktiraf oleh Pelanggan. Kewajipan untuk menjamin OCBC ini harus bertahan penamatan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

- 14.2 OCBC tidak akan bertanggung jawab atau berkewajipan untuk sebarang kerugian, kerosakan atau penghinaan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan berhubung dengan atau dalam hal berkenaan sebarang Arahan, berkenaan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang disebabkan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC bagaimanapun ia termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakpatuhan Pelanggan dengan arahan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan ketidakbolehan OCBC untuk memberi perkhidmatan disebabkan oleh kerosakan separa atau kegagalan sepenuhnya dari sebarang sistem pemprosesan data, sistem keselamatan, tele-transmisi komputer atau sistem telekomunikasi atau keadaan di luar kawalan OCBC atau sebarang institusi kewangan bank atau sesiapa atau sebarang organisasi yang terlibat di dalam sistem-sistem yang tersebut diatas.
- 14.3 OCBC akan membuat semua usaha yang berpatutan untuk memastikan bahawa Token Keselamatan yang diberikan kepada Pelanggan akan berfungsi untuk memberi akses kepada Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC seperti dan bila diperlukan. Pelanggan mesti memberitahu OCBC dengan segera jika Pelanggan menghilangkan Token Keselamatan mereka atau jika Token Keselamatan gagal berfungsi dengan betul dan berkaitan ini OCBC hanya berkewajipan untuk mengganti Token Keselamatan tersebut kepada yang baru. Apabila OCBC perlu mengganti Token Keselamatan tersebut kerana kehilangan, kerosakan (kecuali jika Token Keselamatan tersebut rosak pada masa ketibaan) atau penggantian bateri (jika Token Keselamatan telah dikeluarkan untuk lebih daripada satu tahun), OCBC akan mengenakan kos penggantian yang boleh dipaparkan dilaman web OCBC, ATM atau terminal-terminal elektronik atau notis yang diletak di pejabat-pejabat dan cawangan-cawangan OCBC atau dengan memaparkan iklan-iklan di surat khabar utama di Malaysia atau sebarang cara lain yang dianggap sesuai untuk makluman pelanggan oleh OCBC, dimana Pelanggan dengan ini mengiktiraf OCBC untuk

mendebit akaun Pelanggan. Selain daripada yang tertera disini, OCBC tidak akan mempunyai sebarang kewajipan lain berkaitan dengan Token Keselamatan termasuk, tanpa batasan, kewajipan terhadap pengingkaran sebarang terma yang tersirat kepada kepuasan kualiti, penjualbelian atau kesesuaian untuk tujuan sebarang Token Keselamatan. Tambahan pada itu, OCBC tidak berkewajipan untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan oleh kegagalan Pelanggan untuk menjaga dan/atau menggunakan Token Keselamatan dengan mematuhi arahan dan pengesyoran OCBC.

- 14.4 OCBC berhak atas dasar tunggal dan mutlak pada sebarang masa ke masa untuk membatalkan penggunaan tersebut tanpa notis, atau memerlukan penggantian atau pengubahsuaian Token Keselamatan atau Telefon Bimbit atau sebarang alat yang dikhususkan oleh OCBC untuk kegunaan bagi menghasilkan atau menerima Kod Keselamatan tanpa memberi sebarang penjelasan seterusnya dan OCBC tidak berkewajipan terhadap Pelanggan untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh itu.
- 14.5 Tanpa prasangka terhadap keumuman 14.2, OCBC tidak akan bertanggung jawab atau berkewajipan untuk sebarang kerugian, kerosakan atau penghinaan yang dialami oleh Pelanggan atas sebab yang dibangkitkan daripada tetapi tidak terhad kepada :
- 14.5.1 Pelanggan tidak mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun yang berkenaan untuk membuat pembayaran atau penghantaran.
  - 14.5.2 Kegagalan Pelanggan untuk melakukan sebarang transaksi kerana had yang ditetapkan oleh OCBC dari masa ke masa.
  - 14.5.3 Sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peralatan, pembekal pelayar Internet atau oleh Pembekal Perkhidmatan Internet atau agen-agen atau sub-kontraktor.
  - 14.5.4 Sebarang intrusi atau serangan oleh sesiapa, peranti keras, perisian, virus, Trojan horse, worm, bot dan/atau **macro** atau komponen lain yang berbahaya yang boleh mengganggu Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, pelayar web Pelanggan dan/atau Alat Akses atau OCBC atau Sistem Komputer Pembekal Perkhidmatan Internet.
  - 14.5.5 Sebarang kerosakan atau ketidakfungsian sebarang alat, sistem atau perisian yang digunakan berhubung dengan Perbankan Internet, sama ada kepunyaan OCBC atau tidak termasuk tetapi tidak terhad kepada terminal elektronik, pelayar atau sistem, alat telekomunikasi, sambungan, bekalan elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian komunikasi yang lain atau sistem atau sebarang bahagian daripada system penghantaran dana elektronik, termasuk, tanpa batasan, sebarang gangguan, halangan, penggantungan, kelewatan atau kegagalan untuk menghasilkan Kod Keselamatan menggunakan Token Keselamatan.
  - 14.5.6 Kekurangan maklumat atau kegagalan Pelanggan untuk memberi maklumat jelas dan lengkap yang diperlukan untuk menyebabkan atau melakukan atau memproses Arahan berkenaan pembayaran atau penghantaran atau transaksi dan/atau perkhidmatan.
  - 14.5.7 Sebarang penggunaan, penyalahgunaan, penggunaan atau penyalahgunaan yang diakui, kehilangan, kecurian, penggunaan palsu atau tidak diiktiraf atas ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Token Keselamatan dan/atau Kod Keselamatan Pelanggan dan/atau Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.

- 14.5.8 Sebarang pemusnahan atau perubahan atas Arahan Pelanggan atau sebarang arahan lain, data atau maklumat yang dihantar oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 14.5.9 Sebarang penghantaran yang tidak diiktiraf, tidak tepat, tidak lengkap, luput, dan salah oleh Arahan Pelanggan yang mungkin boleh dihantar melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 14.5.10 Sebarang kegagalan oleh Pelanggan untuk menurut Terma dan Syarat-syarat ini dan arahan, prosedur dan perintah yang terbaru atau semasa untuk menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan/atau sebarang penolakan oleh OCBC untuk bertindak sebagai akibat dari hal tersebut.
- 14.5.11 Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau sebarang bahagian daripadanya tiada atau tidak berfungsi.
- 14.5.12 Peranti Akses Pelanggan atau peranti keras atau Token Keselamatan atau Telefon Bimbit tidak berfungsi secara optimum atau rosak.
- 14.5.13 Sistem Komputer atau Token Keselamatan atau Telefon Bimbit yang memberi maklumat tersebut mungkin diperlukan untuk menyebabkan atau melakukan atau memproses Arahan yang tidak berfungsi dengan betul atau tidak boleh diakses oleh Pelanggan.
- 14.5.14 Pelanggan tidak memberi maklumat yang tepat pada waktu dan tepat maklumatnya berkaitan dengan atau behubung dengan Arahan berkaitan kepada transaksi dan/atau perkhidmatan yang disebabkan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 14.5.15 Sebarang tangguhan, kegagalan, kelalaian, gangguan dengan atau, halangan, kekacauan atau gangguan kepada perniagaan atau operasi yang disebabkan oleh tetapi bukan terhad kepada bencana alam, tindakan Tuhan, perang, perselisihan seakan perang, pemberontakan, sekatan, mogok, halangan atau kegagalan mesin atau alat (termasuk tanpa terhad kepada Token Keselamatan) atau penggantungan operasi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC (termasuk tanpa terhad kepada penghasilan Kod Keselamatan) dan keadaan di luar kawalan OCBC.
- 14.6 Pelanggan berjanji secara muktamad dan tidak boleh ditarik balik untuk menjamin OCBC daripada dan terhadap dan berkenaan dengan semua kewajipan, kerugian, kos dan pembayaran (termasuk bayaran guaman dan kos atas dasar jaminan penuh) permintaan tuntutan tindakan dan prosedur yang OCBC mungkin memperoleh atau mengekalkan secara langsung atau tidak langsung daripada atau atas sebab atau berkenaan dengan penggunaan, penyalahgunaan atau penggunaan atau penyalahgunaan diakui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC (termasuk Token Keselamatan), dan akan membayar wang tersebut kepada OCBC jika diminta.
- 14.7 Jika ID Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Token Keselamatan dan/atau Kod Keselamatan Pelanggan terdedah akibat sebarang peranti keras yang tidak diiktiraf atau yang lain atau alat-alat yang dipasang atau dimuat dan/atau program-program perisian yang dimuat atau dipasang kepada/di dalam Alat Akses yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan Pelanggan gagal membuktikan bahawa ia bukan kecuaiian dalam keadaan yang menuju kepada penggunaan yang tidak diiktiraf atau pendedahan Log Masuk dan/atau Kata Laluan Log Masuk dan/atau Token Keselamatan dan/atau Kod Keselamatan Pelanggan, OCBC tidak akan bertanggung jawab atau berkewajipan terhadap sebarang kerugian, kerosakan, penghinaan demikian dialami atau ditanggung (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh Pelanggan. Ia juga bukan tanggungjawab OCBC untuk membuktikan bahawa sebarang Arahan

yang tidak diiktiraf atau yang lain, transaksi dan/atau perkhidmatan adalah disebabkan oleh pelanggaran keselamatan yang dinyatakan di atas.

- 14.8 OCBC tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan, kerugian atau bayaran, atau untuk sebarang kewajipan untuk membayar atau membayar kembali faedah kepada Pelanggan untuk pengkreditan wang yang tidak berjaya melalui penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 14.9 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa beberapa kandungan, perisian, produk dan perkhidmatan yang terdapat daripada, yang boleh diakses melalui atau disediakan sebagai sebahagian daripada, tambahan kepada atau bersempena dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC adalah atau mungkin disediakan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga atau melalui penggunaan dan/atau kandungan perisian pihak ketiga dan tidak dalam apa jua keadaan boleh dianggap bahawa OCBC adalah pihak kepada transaksi di antara Pelanggan dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga tersebut atau produk, perkhidmatan, perisian, dan/atau kandungan pihak ketiga sebegitu disediakan oleh sebarang ahli kumpulan OCBC. Oleh itu, tiada ahli daripada kumpulan OCBC berkewajipan di dalam apa jua cara untuk sebarang produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan yang diperolehi, dan /atau dibeli daripada atau diberi oleh pihak ketiga tersebut atau menjadi tanggungjawab untuk sebarang kegagalan untuk menghantar produk, perkhidmatan, kandungan tersebut dan/atau perisian, pertanyaan Pelanggan, bantuan teknikal, perkhidmatan penyelenggaraan dan/atau sebarang kewajipan atau perkhidmatan berkaitan dengan atau berkenaan kepada produk, perkhidmatan, perisian dan/atau kandungan tersebut, yang akan menjadi satu-satunya tanggungjawab pihak ketiga yang berkenaan. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa akses, penggunaan dan/atau pembelian produk, perkhidmatan, perisian tersebut dan/atau kandungan yang mungkin boleh tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tambahan yang ditentukan oleh pihak ketiga yang tertentu, dan oleh itu bersetuju untuk mematuhi dan mengamati semua terma dan syarat-syarat tersebut dan dimana diperlukan oleh pihak ketiga tersebut untuk melaksanakan sebarang dokumen yang mengandungi terma dan syarat-syarat tersebut.
- 14.10 Pelanggan memahami bahawa laman web untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mungkin mengandungi link ke laman web yang dikawal atau disediakan oleh pihak ketiga. OCBC oleh itu tidak bertanggungjawab untuk sebarang maklumat, bahan-bahan, produk-produk atau perkhidmatan yang terpapar atau disediakan oleh sebarang daripada laman web pihak ketiga ini. OCBC tidak menyokong atau mengesyorkan sebarang produk atau perkhidmatan yang diberikan atau maklumat yang terkandung di laman web tersebut atau maklumat yang diberi oleh pihak ketiga tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada harga saham dan nilai pertukaran asing) dan juga OCBC tidak berkewajipan untuk sebarang kegagalan produk atau perkhidmatan yang diberi atau diiklan di sebarang laman web pihak ketiga ini.
- 14.11 Pelanggan akan mengakui bahawa, oleh kerana kekurangan undang-undang di beberapa Negara, Pelanggan mungkin tidak boleh mengakses atau menggunakan, atau boleh dihalang oleh OCBC daripada mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tersebut di negara-negara tersebut seperti yang ditentukan oleh OCBC dari masa ke masa dan Pelanggan tidak akan meminta OCBC untuk bertanggung jawab atas ketidakmampuan untuk mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tersebut.
- 14.12 Bergantung kepada peruntukan di sini, satu-satunya dan keseluruhan kewajipan OCBC terhadap Pelanggan di dalam kontrak, kesalahan (termasuk kecuaiian atau pelanggaran tugas undang-undang) atau melainkan bagaimanapun yang timbul berdasarkan Terma dan Syarat-syarat tidak akan melebihi jumlah transaksi yang



memberi tambahan kepada tuntutan atau ganti rugi secara langsung yang dikekalkan, mana satu yang lebih rendah.

## **15. Hak Pemilikan**

- 15.1 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa semua hak harta intelektual dalam dan pada Sistem Komputer OCBC dan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC termasuk, tanpa terhad kepada laman web OCBC dan laman web mobile OCBC, dan semua kandungan dan pengemaskinian daripadanya dimiliki secara eksklusif oleh OCBC dan/atau syarikat induknya, Oversea Chinese Banking Corporation Limited dari Singapura atau penjual pihak ketiga yang berkenaan, sekutu atau pihak ketiga yang lain, di mana berkenaan.

## **16. Tiada Jaminan**

- 16.1 Maklumat dan material yang terkandung dalam laman web OCBC dan/atau laman web mobile OCBC dan/atau laman web lain yang boleh dicapai melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, termasuk teks, grafik, link, ekstrak dari link atau item lain - disediakan "sebagaimana adanya", "Sebagai Tersedia". OCBC tidak menjamin ketepatan, kecukupan, atau kelengkapan maklumat dan bahan dan menolak tanggungjawab atas kesalahan atau kelalaian dalam maklumat dan bahan. Tidak ada sebarang jaminan, ternyata atau tersirat, mahupun undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan ketidak pelanggaran hak pihak ketiga, judul, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu dan bebas dari virus komputer, diberikan dalam hubungannya dengan maklumat dan bahan.

## **17. Caj dan Bayaran**

- 17.1 Mana-mana cukai barang dan perkhidmatan atau levi sekarang dan di masa hadapan yang dikenakan oleh undang-undang atau perlu dibayar berhubung dengan sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima oleh OCBC atau mana-mana kos yang ditanggung oleh OCBC, (kecuali yang telah dilarang kutipan oleh undang-undang) akan ditanggung dan dibayar oleh Pelanggan dan OCBC diberi hak oleh Pelanggan dan OCBC berhak untuk mendebit yang sama dari akaun Pelanggan.
- 17.2 OCBC berhak untuk memungut atau mengenakan bayaran perkhidmatan (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, untuk mengenakan bayaran atas penyediaan Token Keselamatan dan/atau penggantian Token Keselamatan dan/atau penyerahan Kod Keselamatan melalui SMS) dan membuat variasi yang sama dari masa ke masa berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan asalkan notis terawal tiga puluh (30) hari yang mencirikan butiran bayaran telah diberikan kepada Pelanggan secara bertulis atau dalam cara yang dianggap bersesuaian oleh OCBC. Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan pengenaan kos atau bayaran dan mana-mana variasi daripadanya, Pelanggan harus menamatkan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC berdasarkan Klausula 20.3 dalam dokumen ini atau menghentikan penggunaan transaksi perbankan tertentu dan/atau perkhidmatan yang kos, bayaran atau variasi berkaitan dengannya. Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC selanjutnya dari Pelanggan dan penerbitan Arahan berhubung dengan atau transaksi perbankan tertentu dan/atau perkhidmatan yang kos, bayaran atau variasinya berkaitan dengan dianggap sebagai perjanjian dan penerimaan yang sama oleh Pelanggan.

## **18. Penggunaan Antarabangsa**

- 18.1 Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC di luar Malaysia adalah tertakluk kepada Akta Kawalan Pertukaran 1983 dan Peraturan Kawalan Pertukaran oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana fiscal atau syarat-syarat kawalan pertukaran yang beroperasi di negara di mana transaksi bank dikuatkuasakan atau diminta melalui satu Arahan, dan undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi bank dikuatkuasakan atau diminta melalui satu Arahan.
- 18.2 Jumlah maksimum transaksi dan tujuan yang dipengaruhi dapat ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan undang-undang dan peraturan negara di mana transaksi tersebut dilakukan atau diminta.
- 18.3 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas risiko dan inisiatif sendiri dan Pelanggan bertanggung jawab atas mematuhi segala undang-undang yang berkenaan.

## **19. Variasi Terma dan Syarat-syarat**

- 19.1 OCBC berhak, dari masa ke masa atas budi bicara mutlaknyanya, menambah, mengubah, menukar, mengubahsuai semua atau sebaliknya menukar semua atau salah satu daripada Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberikan Pelanggan notis terlebih dahulu. Perubahan tersebut harus, terikat pada Klausula 19.4, akan mengikat Pelanggan pada akhir jangka hayat notis tersebut.
- 19.2 Semua tambahan, variasi, pengubahsuaian atau perubahan selain dari yang dinyatakan dalam Klausula 19.1 di atas harus mengikat Pelanggan dan dianggap telah dibawa ke perhatian Pelanggan melalui (i) notis di laman web OCBC; atau (ii) notis di ATM atau terminal elektronik lain; atau (iii) notis di pejabat OCBC dan cawangannya; atau (iv) notis di iklan di surat khabar utama di Malaysia atau (v) mana-mana mod lain yang dianggap berpadanan oleh OCBC. Tanpa mengabaikan apa yang terdapat dalam kontrak ini yang bertentangan, di mana notis diberikan berdasarkan (i), (ii), (iii) atau (iv) di atas, nasihat bertulis seterusnya dalam hal yang sama mesti disediakan oleh OCBC kepada Pelanggan.
- 19.3 Tanpa mengabaikan Klausula 19.1 dan 19.2 di atas, di mana setiap variasi, pengubahsuaian atau perubahan terhadap Terma dan Syarat-syarat ini hanya dalam kaitannya dengan pembetulan atas mana-mana kesalahan ejaan dan tata bahasa atau pada pendapat mutlak OCBC, diharuskan oleh suatu keperluan yang mendesak untuk memulih atau memelihara keselamatan Perkhidmatan Perbankan Internet, sistem komputer OCBC, akaun Pelanggan atau mana-mana transaksi, tidak ada notis terlebih dahulu akan diberikan kepada Pelanggan berhubung dengan variasi, pengubahsuaian atau perubahan pada Terma dan Syarat-syarat tersebut.
- 19.4 Jika Pelanggan tidak menerima tambahan, variasi atau pengubahsuaian terhadap Terma dan Syarat-Syarat ini, Pelanggan harus menghentikan penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC. Pelanggan bersetuju untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat-Syarat ini dengan kerap, dan akses berterusan dan/atau penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC selepas tambahan, variasi atau pengubahsuaian telah dikuatkuasakan, bermaksud Pelanggan bersetuju kepada tambahan, variasi atau pengubahsuaian dengan sukarela. Dimana aplikasi untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC adalah berkenaan dengan akaun bersama, setiap pemegang akaun akan terikat bersama dan bersendirian dengan sebarang tambahan atau perubahan.

## **20. Penggantungan atau Penamatan Perkhidmatan**

- 20.1 OCBC boleh pada bila-bila masa tanpa memberikan alasan tetapi dengan memberikan notis terlebih dahulu menggantung atau menyekat atau menghentikan operasi atau semua atau sebahagian dari Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC tanpa perlu bertanggung jawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atau yang timbul daripada atau berkaitan atau dengan alasan penggantungan atau sekatan atau penamatan.
- 20.2 OCBC secara automatik akan menggantung atau menghentikan hak Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC jika Pelanggan tidak memelihara akaun dengan OCBC yang boleh diakses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau jika akses Pelanggan kepada akaun tersebut telah disekat oleh OCBC atau pihak lain untuk apa jua alasan.
- 20.3 Pelanggan boleh menamatkan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dengan memberikan notis bertulis kepada OCBC. Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC akan dibatalkan dalam masa 7 Hari Kerja dari tarikh penerimaan notis penamatan oleh OCBC dan Pelanggan dengan ini bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC untuk mengeluarkan Arahan selepas tarikh penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan. Sekalipun demikian, OCBC tidak akan bertanggung jawab untuk penggunaan berterusan Perkhidmatan Perbankan Internet selanjutnya oleh Pelanggan dan untuk Arahan yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC setelah tarikh penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.
- 20.4 Pelanggan juga mengakui dan bersetuju bahawa di mana akses Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dihentikan kerana apa jua alasan, OCBC tidak akan bertanggung jawab atas kegagalan untuk bertindak ke atas dan menguatkuasakan atau melakukan atau memproses mana-mana Arahan yang diterima sebelum pengakhiran tersebut dan yang kekal tidak dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses pada pengakhiran tersebut oleh OCBC atau sebaliknya pada penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.
- 20.5 Pelanggan mengakui penamatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau kewajipan Pelanggan berhubung dengan Arahan yang dikuatkuasakan atau dilakukan atau diproses melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atas nama Pelanggan.

## **21. Definisi**

- 21.1 "Peranti Akses" bermaksud setiap peranti elektronik komputer yang membolehkan Pelanggan untuk akses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer peribadi, buku nota, komputer riba, pembantu peribadi digital atau GPRS atau 3G atau telefon bimbit yang mempunyai EDGE.
- 21.2 "ATM" bermaksud mesin juruwang automatic.
- 21.3 "Kad ATM" bermaksud mana-mana Kad yang diterbitkan oleh OCBC kepada Pelanggan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan transaksi pada mana-mana Terminal atau mana-mana kaunter di mana-mana cawangan OCBC di Malaysia dan juga merangkumi mana-mana kad lain yang diterbitkan oleh OCBC atas apa jua nama dan yang membolehkan Pelanggan menggunakan kad di mana-mana ATM atau Terminal atau mana-mana kaunter di mana-mana cawangan OCBC atau jika dibenarkan oleh pihak berkuasa yang relevan dan peraturan dan pengawalan yang

berkenaan, di mana-mana ATM bersama dengan bank lain, institusi kewangan atau kad atau rangkaian atau Terminal.

- 21.4 "Kad Kredit" wajib apabila konteksnya diakui merujuk kepada salah satu atau lebih Kad Visa, Kad Master dan/atau kad lain yang dikeluarkan dari masa ke masa oleh OCBC di bawah kategori Platinum, Titanium, Emas, Klasik atau kategori lain yang OCBC dengan budi bicara mutlaknya memperkenalkan tambahan kepada yang sedia ada atau gantian kepada dari masa ke masa.
- 21.5 "Hari Perniagaan" bermaksud hari (kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum) yang Bank dibuka untuk urusan perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.
- 21.6 "Kad" bermaksud dan termasuk kad ATM, kad kredit, kad akses, mana-mana kad kombo yang mempunyai ciri kad ATM and kad kredit, dan apa-apa token kredit, samada kad atau token tersebut berupa kad plastik atau kad EPROM atau kad dengan cip atau kad memori optik atau apapun jenis kad lain.
- 21.7 "Sistem Komputer" dan "sistem" bermaksud setiap peranti keras atau perisian komputer atau peralatan yang dikendalikan atau proses yang dilakukan keseluruhan atau sebahagian dengan cara elektronik dan termasuk sistem teknologi maklumat, sistem telekomunikasi, sistem-sistem automatik dan operasi.
- 21.8 "Perkongsian" bermaksud setiap rakan kongsi, pemilik tunggal, syarikat, konsortium, unit perniagaan atau organisasi lain yang diwujudkan semata-mata untuk tujuan perniagaan.
- 21.9 "Pelanggan" bermaksud seseorang yang dirinya pelanggan OCBC dan kepada siapa "Kad ATM" atau "Kad Kredit", "ID Log Masuk" dan "Kata Laluan Log Masuk" dan "Token Keselamatan" dan "Kod Keselamatan" telah dikeluarkan oleh OCBC untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.10 "Perkhidmatan Elektronik" meliputi perkhidmatan yang diberikan oleh OCBC untuk kegunaan Kad ATM di mana-mana ATM atau Terminal atau mana-mana kaunter di mana-mana cawangan OCBC atau jika dibenarkan oleh pihak berkuasa yang relevan dan peraturan dan pengawalan yang berkenaan, di mana-mana ATM bersama dengan bank lain, institusi kewangan atau kad atau mana-mana rangkaian atau mana-mana Terminal yang dipelihara oleh mana-mana orang yang diluluskan untuk pembayaran pembelian barangan dan perkhidmatan, Perkhidmatan Perbankan Telefon 24 jam OCBC, Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan mana-mana kemudahan elektronik lain termasuk mana-mana kad dan mana-mana peranti elektronik komputer atau telekomunikasi atau cara-cara pembukaan akaun di Malaysia atau di tempat lain secara individu mahupun kolektif dan rujukan kepada perkhidmatan yang disebut di atas dan kepada perkhidmatan relevan lain di mana yang disyaratkan di dalam konteks.
- 21.11 "Perkhidmatan E-mel" bererti sebarang perkhidmatan yang ditawarkan untuk penerimaan dan penghantaran surat elektronik termasuk dan tidak terhad kepada, setiap perkhidmatan tersebut yang disediakan oleh Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC untuk menerima atau menghantar surat elektronik daripada Peranti Akses Pelanggan untuk OCBC.
- 21.12 "Arahan" bermaksud setiap arahan, komunikasi, perintah ke OCBC, dalam cara elektronik atau mana-mana bentuk lain yang diluluskan oleh OCBC, mengenai akaun tertentu Pelanggan dan/atau yang berkaitan dengan transaksi dan/atau perkhidmatan yang terdapat melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC di mana Arahan itu dimulakan dan diterbitkan melalui penggunaan ID Log Masuk Pengguna, Kata Laluan Log Masuk, Token Keselamatan dan Kod Keselamatan, samada ia dibenarkan atau tidak oleh Pelanggan. Untuk tujuan menafsirkan klausa dari Terma dan Syarat-syarat ini yang merujuk pada kewajiban dan/atau

tanggungjawab OCBC dan/atau Pelanggan, Arahan juga harus diambil untuk bermaksud transaksi dan/atau perkhidmatan Arahan itu diterbitkan dalam rangka.

- 21.13 "Internet" bererti mana-mana rangkaian komputer global, telekomunikasi dan perisian yang memudahkan komunikasi, elektronik atau yang lain, antara orang dan mesin.
- 21.14 "Pembekal Perkhidmatan Internet " bermaksud setiap Pembekal Akses Internet (ISP) dan/atau pihak lain yang menyediakan akses internet kepada Pelanggan.
- 21.15 "Telefon Bimbit" bererti telefon bimbit yang digunakan oleh Pelanggan untuk menerima Kod Keselamatan melalui SMS. Nombor telefon bimbit itu haruslah didaftar dengan OCBC sebelumnya.
- 21.16 "OCBC" bermaksud Bank OCBC (Malaysia) Berhad atau Bank Al-Amin OCBC Berhad (jika mungkin) dan harus merangkumi pengganti dan penerima haknya.
- 21.17 "Kumpulan OCBC" bermaksud syarikat yang berkaitan dengan OCBC melalui Seksyen 6 Akta Syarikat 1965 atau mana-mana anak syarikat OCBC atau syarikat induknya.
- 21.18 "Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC" merangkumi dan tidak terhad kepada Perkhidmatan Perbankan Internet mobile OCBC dan merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan di mana Pelanggan dapat mengakses akaunnya dan/atau untuk menguatkuasakan transaksi perbankan tertentu (termasuk dan tidak terhad kepada penghantaran arahan kepada OCBC atau penggunaan "Perkhidmatan" sebagaimana ditakrifkan dalam Klausa 21.26 di Terma dan Syarat-Syarat ini) melalui Internet dengan cara elektronik melalui penggunaan Peranti Akses.
- 21.19 "ID Pengguna Internet OCBC " atau "ID Log Masuk " adalah nama unik yang terdiri daripada rentetan aksara yang dipilih oleh Pelanggan yang harus ditaip oleh Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mengaitkan ID Log Masuk dan profil Pengguna dan akaun, yang diberikan kepada dan yang digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.20 "Kata Laluan Internet OCBC" atau " Kata Laluan Log Masuk " bererti rentetan aksara unik yang dipilih oleh Pelanggan yang harus ditaip oleh Pelanggan untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC mengesahkan ID Log Masuk Pelanggan dan memberikan Pelanggan akses untuk Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.21 "Laman web OCBC" dan " laman web mobile OCBC" merujuk pada laman web OCBC di mana Pelanggan boleh mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.22 "Kod Phonebank" adalah kod yang diberikan dan akan digunakan oleh Pelanggan untuk mengakses Perbankan Telefon OCBC.
- 21.23 "Orang Berkaitan" bermaksud sebarang bank, pembekal perkhidmatan, pembekal perkhidmatan internet, penguasa sijil digital, pihak berkuasa pensijilan, elektronik, komputer, telekomunikasi kewangan atau kad institusi yang terlibat dalam Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dari masa ke masa dan setiap orang yang menggunakan (sama ada orang yang diberi kuasa atau tidak) Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.24 "Kod Keselamatan" bererti kata masuk sekali-guna yang dihasilkan oleh Token Keselamatan atau disampaikan melalui perkhidmatan mesej ringkas ("SMS") ke Telefon Bimbit, atau yang dihasilkan melalui peranti keselamatan yang lain, saluran pengiriman atau apa-apa carapun, yang dianggap sesuai oleh OCBC pada sebarang masa dari masa ke masa untuk menghasilkan Kod Keselamatan.
- 21.25 "Perkhidmatan" bererti dan termasuk perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Klausa 6.1 dalam Terma dan syarat-syarat ini serta perkhidmatan tambahan lain yang

mungkin disediakan kepada Pelanggan dari masa ke masa oleh OCBC melalui laman web OCBC dan/ atau laman web mobil OCBC dan merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

- 21.26 "Terminal" bermaksud sebarang mesin elektronik dan/atau kaunter yang membolehkan pemrosesan akses dan fungsi transaksi untuk Akaun Pelanggan yang diselenggara dengan OCBC melalui Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC.
- 21.27 "Pihak Ketiga" bermaksud orang atau pihak selain dari OCBC, yang disahkan oleh OCBC untuk menyediakan dan/atau memproses fungsi Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC, baik secara langsung atau tidak langsung, dari masa ke masa yang dianggap perlu.
- 21.28 "Transaksi" bererti dan termasuk transaksi yang dinyatakan di dalam Klausa 6.1 dalam Terma dan syarat-syarat ini dan transaksi tambahan lain yang mungkin disediakan kepada Pelanggan dari masa ke masa oleh OCBC dan merangkumi semua aktiviti yang berkaitan dengan transaksi-transaksi tersebut.
- 21.29 Kata-kata yang terpakai kepada nombor tunggal merangkumi nombor jamak dan sebaliknya. Kata-kata yang terpakai kepada genus maskulin akan meliputi genus feminin dan sebaliknya.
- 21.30 Kata-kata yang terpakai kepada individu-individu akan diterima-pakai terhadap firma atau perkongsian.

## **22. Penyerahan untuk Bidang kuasa**

- 22.1 Terma dan syarat-syarat ini yang menetapkan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC ini harus ditetapkan oleh dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur akan mempunyai bidang kuasa non-eksklusif berhubung dengan sebarang tindakan undang-undang atau proses undang-undang yang timbul daripada atau dalam sehubungan dengan Terma dan Syarat-syarat ini ("Percubaan").

## **23. Notis**

- 23.1 Kecuali dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat-syarat, Pelanggan dengan ini bersetuju dengan semua notis dan komunikasi lain yang berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC atau yang diperlukan berdasarkan Terma dan Syarat-syarat ini atau yang dikeluarkan oleh OCBC melalui salah satu daripada cara berikut: -
  - 23.1.1 dengan penyiaran notis di laman web OCBC;
  - 23.1.2 dengan penyiaran notis di ATM atau terminal elektronik lain;
  - 23.1.3 dengan memaparkannya di pejabat-pejabat OCBC dan cawangannya dan notis itu dianggap sah sebaik sahaja notis itu dipaparkan;
  - 23.1.4 dengan mengiklankan dalam sebarang surat khabar nasional di Malaysia dan notis itu akan dianggap berkesan pada tarikh penerbitan iklan dalam surat khabar tersebut;
  - 23.1.5 dengan mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh OCBC.
- 23.2 Semua notis ke OCBC berhubung dengan Perkhidmatan Perbankan Internet OCBC dan Terma dan Syarat-syarat haruslah secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan dan dihantar ke OCBC pada alamat yang tertera di bawah atau dengan mana-mana cara yang akan diberitahu oleh OCBC dari masa ke masa:-

Jabatan Pengiriman  
OCBC Bank (Malaysia) Berhad  
Level 2, Menara OCBC  
18 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

#### **24. Pelepasan tuntutan**

- 24.1 Pelanggan bersetuju bahawa kegagalan OCBC, secara terus-menerus atau sebaliknya, untuk melaksanakan hak, kuasa, hak istimewa, penyelesaian atau peruntukan daripada Terma dan Syarat-syarat ini atau kegagalan atau kelewatan oleh Bank OCBC untuk mematuhi mana-mana klausa, tidak boleh dianggap sebagai kelonggaran atau menjejaskan Bank OCBC daripada hak, kuasa, hak istimewa, penyelesaian atau peruntukan daripada Terma dan Syarat-syarat ini.

#### **25. Penamatan**

- 25.1 Jika salah satu Terma dan Syarat-syarat menjadi tidak sah, haram, atau tidak dapat dilaksanakan bersesuaian dengan undang-undang, maka kesahihan, kesahan dan pelaksanaan dari peruntukan lain tidak dengan cara apapun akan terjejas atau terganggu.

#### **26. Sengketa dan Pertanyaan**

- 26.1 Jika Pelanggan mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila hubungi kami di Bank OCBC di talian 1300-88-5000 / Al-Amin OCBC di talian 1300-88-0310 atau akses butang "Hubungi Kami" di laman web kami. Selain itu, Pelanggan juga disarankan untuk meninjau Dasar Sulit OCBC, Kenyataan Keselamatan dan Piagam Pelanggan pada laman web kami.

#### **27. Terma dan Syarat-syarat**

- 27.1 Jika terdapat sebarang pertikaian terhadap terma dan syarat ini di antara versi Bahasa Inggeris dengan terjemahan terma dan syarat ini dalam bahasa lain, maka terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.